

Desak ^{27/12 UUM} mohon maaf

KOTA KINABALU 26 Dis.

- Gerakan Akar Umbi UMNO Malaysia (GAUM) mendesak bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad memohon maaf secara terbuka kepada rakyat Malaysia berpendapatan rendah dan penerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) ekoran kenyataannya yang menyifatkan BR1M sebagai rasuah.



Pengerusi GAUM yang juga presiden Pakatan NGO Pro-Barisan Nasional (BN), Datuk Zulkarnain Mahdar (**gambar**) berkata, kenyataan Dr. Mahathir berkenaan sudah keterlaluan kerana seolah-olah menghina golongan berpendapatan rendah dan penerima BR1M.

“Umum mengetahui bahawa pemberian BR1M oleh kerajaan Malaysia adalah sebagai salah satu medium bagi menyalurkan bantuan kepada golongan sasaran yang memerlukan dan ia jelas bukan rasuah seperti didakwa Dr. Mahathir. Hanya rakyat berpendapatan di bawah RM4,000 sebulan sahaja layak menerima BR1M,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini. -

BERNAMA